

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA
 JABATAN KESIHATAN AWAM (PUBLIC HEALTH DEPARTMENT)
 KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
 (MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
 Aras 7 & 8, Blok E10, Kompleks E
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62590 Putrajaya.



No. Tel : 03-8883 3888
 No. Fax : 03-8888 6150
 E-mail : bpkk@moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.600-30/2/2 JLD3(8)

Tarikh : 16 Ogos 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

MAKLUMAN PELAKSANAAN PENGURUSAN RUJUKAN SARINGAN PESAKIT DENGAN BACAAN TEKANAN DARAH TINGGI DARI KLINIK PERGIGIAN KE KLINIK KESIHATAN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengadakan perbincangan bersama wakil Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (BPKK), wakil Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada 11 Julai 2019. Perbincangan tersebut bertujuan untuk menambahbaik pengurusan rujukan saringan pesakit dengan bacaan tekanan darah tinggi dari klinik pergigian ke klinik kesihatan.
3. Untuk makluman, saringan tekanan darah dilakukan kepada pesakit di klinik pergigian sebelum prosedur pergigian dijalankan. Sekiranya bacaan didapati tidak normal, pesakit akan dirujuk ke klinik kesihatan yang berdekatan untuk pemeriksaan lanjut.
4. Sehubungan dengan itu, Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia akan mewujudkan format surat rujukan (**Lampiran 1/BP**) dengan cerai maklumbalas kehadiran pesakit (**Lampiran 1a/BP**) yang dirujuk seperti di **Lampiran 1**. Carta alir penerimaan borang maklumbalas kehadiran pesakit disertakan seperti di **Lampiran 2**. Program Kesihatan Pergigian memohon kerjasama pihak klinik kesihatan untuk mengisi borang cerai tersebut yang mana akan dikutip oleh wakil pergigian setiap bulan atau mengikut kesesuaian klinik.
5. Klinik yang terlibat adalah semua klinik pergigian termasuk yang menggunakan aplikasi *Oral Health Clinical Information System* (OHCIS) dan *Teleprimary Care-Oral Health Clinical Information System* (TPC-OHCIS). Bagi klinik yang terlibat dalam program *Enhance Primary Health Care* (EnPHC), mekanisme saringan dan rujukan adalah seperti sedia ada.


6. Borang rujukan *EnPHC* dikekalkan, dan maklumbalas kehadiran akan diambil dari sistem yang digunakan di dalam *EnPHC* setiap bulan termasuk klinik kesihatan dan klinik pergigian yang menggunakan aplikasi TPC-OHCIS di mana kehadiran rujukan boleh didapati dari sistem TPC-OHCIS.

7. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh menghubungi Datin Dr. Sarina binti Shuib di talian 03-88832226, emel: sarina.s@moh.gov.my. Kerjasama dari pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DR. FARIDAH BINTI ABU BAKAR) MMC 27575
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.

Timbalan Pengarah
Cawangan Kesihatan Primer
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian
Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Penjagaan Kesihatan Pergigian
Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Pengarah
Cawangan Penjagaan Kesihatan Pergigian Primer
Program Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

1. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
2. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
3. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
4. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
5. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
6. Pengarah Kesihatan
Jabatan Kesihatan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
7. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
8. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
9. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
10. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
11. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
12. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
13. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
14. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
15. Pengarah Kesihatan
Jabatan Kesihatan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan

LAMPIRAN 1

Lampiran 1/BP

BORANG RUJUKAN PESAKIT DENGAN TEKANAN DARAH TIDAK NORMAL

Kepada:-
Pegawai Perubatan

Tarikh:- _____

Maklumat Pesakit

Nama: _____

No Kad Pengenalan: _____

Umur: _____ Bangsa: _____

Dirujuk untuk masalah berikut: _____

Penyakit yang Diketahui: _____

Sejarah Pembedahan: _____

Ubat-Ubatan: _____

Nota: _____

Dirujuk oleh:-

Tandatangan

.....

Nama dan Chop

SILA POTONG DISINI

Lampiran 1a/BP

BORANG TERIMA RUJUKAN PESAKIT

Kepada:-

KP: _____

Tarikh:- _____

Maklumat Pesakit

Nama: _____

No Kad Pengenalan: _____ Umur: _____


Diterima oleh:-

Tandatangan

.....

Nama dan Chop

CARTA ALIR PENERIMAAN BORANG RUJUKAN PESAKIT DENGAN TEKANAN DARAH TIDAK NORMAL DARI KLINIK PERGIGIAN



BORANG RUJUKAN PESAKIT DENGAN TEKANAN DARAH TIDAK NORMAL

Kepada:-

Pegawai Perubatan

Tarikh:- _____

Maklumat Pesakit

Nama: _____

No Kad Pengenalan: _____

Umur: _____ Bangsa: _____

Dirujuk untuk masalah berikut: _____

Penyakit yang Diketahui: _____

Sejarah Pembedahan: _____

Ubat-Ubatan: _____

Nota: _____

Dirujuk oleh:-

Tandatangan

.....

Nama dan Chop

SILA POTONG DISINI

Lampiran 1a/BP

BORANG TERIMA RUJUKAN PESAKIT

Kepada:-

KP: _____

Tarikh:- _____

Maklumat Pesakit

Nama: _____

No Kad Pengenalan: _____

Umur : _____

Diterima oleh:-

Tandatangan

.....

Nama dan Chop

CARTA ALIR BORANG RUJUKAN PESAKIT DENGAN TEKANAN DARAH TIDAK NORMAL
DARI KLINIK PERGIGIAN KE KLINIK KESIHATAN

